

1058- PERANAN DANA MASJID DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT

NORITA KAMARUDDIN
Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Universiti Islam Selangor
norita@kuis.edu.my

ABSTRAK

Masjid adalah sebuah institusi yang menegakkan syiar Islam serta berfungsi dalam membina masyarakat yang progresif dan bertamadun. Peranan masjid bukan sekadar sebagai tempat pelaksanaan ibadah khusus semata-mata tetapi merangkumi pelbagai aktiviti, yang mencakupi penjanaan ekonomi masyarakat setempat. Oleh itu, sumber dana masjid yang diperolehi perlulah diurus secara efisien supaya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat setempat. Kebiasaannya dana masjid diperolehi dari tabung derma atau aktiviti menjalankan kutipan derma daripada orang ramai terutamanya semasa solat Jumaat. Selain daripada itu, sebahagian besar masjid juga menerima sumbangan kewangan daripada beberapa pihak tertentu seperti pihak kerajaan, institusi bukan kerajaan dan orang perseorangan. Malah terdapat juga masjid yang menerima sumbangan harta fizikal dalam pelbagai bentuk termasuk peralatan hinggalah tanah dan bangunan yang diwakafkan oleh pihak-pihak tertentu. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan peranan masjid dalam menggunakan dana yang diperolehi ke arah membangunkan ekonomi masyarakat setempat. Kajian kualitatif ini dilaksanakan dengan mengumpul data secara analisis dokumen dan dianalisis secara deskriptif. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penggunaan dana masjid telah dikembangkan melalui pelbagai aktiviti masjid seperti pembinaan koperasi, pemberian bantuan modal dan makanan, pelaksanaan konsep perniagaan sosial seperti penyewaan lot-lot kedai, rumah sewa, tapak menara telekomunikasi, khemah, peralatan kenduri kendara, sewa dewan, sewa bilik kuliah dan perniagaan inap desa yang merupakan sebahagian daripada aktiviti pengimarahannya masjid. Selain itu, melalui pelaksanaan aktiviti berkonsepkan perekonomian yang berpusat di masjid, mampu untuk membantu meningkatkan ekonomi serta memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dalam menjana pendapatan. Justeru, satu kajian lanjut perlu dilakukan dalam merangka modul yang khusus berkaitan pemerkasaan ekonomi masjid agar boleh digunakan di seluruh masjid di Malaysia.

Kata kunci: Peranan, Dana Masjid, Pembangunan, Ekonomi, Masyarakat

PENDAHULUAN

Secara umum, masjid dalam masyarakat saat ini sering dilihat hanya sebagai tempat ibadah khusus bagi umat Islam. Namun, persepsi ini perlu disempurnakan agar seluruh masyarakat dapat memahami konsep sejati sebuah masjid dan mengenali betapa pentingnya peranannya dalam membangunkan ummah. Masjid bukan sekadar lambang atau simbol, malah dianggap sebagai nadi dan pusat kegiatan bagi aktiviti umat Islam. Kemegahan sebuah masjid tidak hanya tergantung kecantikan seni bina masjid tersebut malah tahap pengimarahannya juga perlu dititikberatkan.

Istilah masjid adalah berasal dari bahasa arab yang diambil dari perkataan “sajada, yasjudu, sajdun”. Perkataan sajada ini merujuk kepada maksud bersujud, taat, patuh serta tunduk dengan penuh hormat (Syauqi, 2004). Apabila merujuk kepada sesuatu tempat maka istilahnya menjadi “masjidun” yang membawa kepada maksud tempat sujud menyembah Allah SWT. Oleh itu istilah masjid merujuk kepada suatu tempat atau bangunan yang fungsi utamanya adalah sebagai tempat solat, bersujud menyembah Allah SWT. Menurut Kamus

Dewan pula masjid bermaksud bangunan khas untuk umat Islam melakukan solat jumaat dan ibadah-ibadah lain (Noresah, 2007). Sementara itu, menurut Lokman et al. (1996), masjid merupakan sebuah binaan yang berperanan sebagai tempat untuk mendirikan solat secara berjemaah, solat jumaat, iktikaf dan melaksanakan ibadah-ibadah yang lain. Dalam konteks sejarah dakwah dan perjuangan Nabi Muhammad SAW di Madinah, masjid dianggap sebagai simbol, syiar dan tulang belakang dalam pembangunan negara Islam yang berdaulat.

Dalam al-Quran pula perkataan masjid telah disebut sebanyak 26 kali. Jumlah ini menunjukkan bahawa masjid memainkan peranan yang sangat penting dalam menjana pembangunan masyarakat.(Roslan, 2008).

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan analisis dokumen. Pengumpulan data melalui analisis dokumen melibatkan analisis sumber primer dan sekunder sebagai satu daripada cara kajian ini untuk mendapatkan data. Sumber primer yang digunakan dalam kajian ini ialah al-Qur'an, al-Hadith dan kitab-kitab fiqh dan statut negeri. Manakala, analisis sekunder melibatkan penggunaan bahan yang telah diterbitkan untuk menganalisis sesuatu isu yang ingin diketengahkan seperti artikel, buku, jurnal, akhbar laman sesawang dan juga kajian lepas. Justeru, pengumpulan data yang dibuat melalui analisis kandungan dan analisis dokumen untuk memperoleh maklumat yang tepat dan jelas. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, data dianalisis secara induktif dan analisis kandungan melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui dokumen-dokumen berkaitan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dan perbincangan meliputi aspek-aspek berkaitan peranan masjid dalam pembangunan masyarakat, hubungan masjid dan derma dan masjid sebagai nadi ekonomi setempat. Dapatan kajian dan perbincangan meliputi aspek-aspek berkaitan :

Peranan Masjid dalam Pembangunan Masyarakat

Masjid sendiri sebenarnya melambangkan perpaduan dan ukhuwah umat Islam, selain medium untuk menjana serta membangunkan modal insan sama ada dari aspek akhlak atau kerohanian. Pembangunan modal insan menyeluruh menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi umat Islam akhirnya. Jika dilihat ketika zaman Rasulullah SAW, masjid memainkan peranan cukup luas mencakupi aspek pentadbiran negara, ekonomi, sosial, keselamatan, pendidikan serta pusat perluasan agama dan sebagainya. Allah SWT sendiri turut menekankan kaitan masjid dengan ekonomi melalui firmannya yang bermaksud:

"Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). (Surah al-Jumu'ah, ayat 10)

Pada zaman Rasulullah SAW masjid merupakan pusat kegiatan kaum muslimin yang tidak terhad kepada tempat beribadah dan solat sahaja bahkan sebagai pusat perbincangan, pendidikan, pentadbiran, penyatuan ummah, siasah, sosial dan sebagainya. Selari dengan

peranan masjid yang menjadi nadi kekuatan ummah pada ketika itu, Rasulullah SAW turut menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran (Abdul Razak, Mohd Khairil, & Ezry Fahmy, 2010).

Selain itu, Rasulullah SAW juga turut menjadikan masjid sebagai tempat menerima rombongan-rombongan yang datang menemui Baginda. Di sinilah tetamu-tetamu Rasulullah SAW di tempatkan dan bermalam. Daripada sinilah juga rombongan dihantar ke perkampungan kabilah-kabilah Arab di sekitar Madinah. Selain itu juga, golongan fakir miskin turut ditempatkan di suatu ruang dalam Masjid Nabawi sebagai bukti menunjukkan bahawa masjid juga turut berfungsi sebagai pusat kebajikan kepada umat Islam. Sejarah kegemilangan Islam telah membuktikan bahawa kecemerlangan umat Islam melalui budaya ilmu juga adalah berpangkalan di masjid. Masjid Quba adalah bukti masjid sebagai institusi kegiatan ilmu apabila Rasulullah SAW sendiri memberi khutbah dan membuat halaqah di samping para sahabat duduk mengelilingi baginda dan melakukan soal jawab. Aktiviti sedemikian terus berjalan di Masjid Nabawi, Masjidil Haram, Masjid Kufah, Masjid Basrah dan banyak lagi (Abdul Razak et al., 2010).

Di Malaysia, sejarah telah membuktikan kewujudan masjid sebagai sebuah institusi yang penting di Zaman Kesultanan Melayu Melaka di mana masjid dan surau berperanan sebagai pusat pembelajaran dan penyebaran agama Islam (Mohd Roslan & Wan Mohd, 2011). Jelas dalam catatan sejarah bahawa masjid telah memainkan peranan penting ke arah pembangunan insan dan masyarakat serta kegemilangan tamadun Islam itu sendiri. Sejarah tercatat dengan jelas bahawa masjid memiliki peranan penting dalam pembangunan individu dan masyarakat, serta dalam memajukan kegemilangan tamadun Islam. Oleh kerana itu, adalah menjadi kewajiban umat Islam untuk mempromosikan masjid sebagai pusat penyatuan umat dan menghidupkan kembali peranan masjid melalui berbagai aktiviti keagamaan dan sosial.

Hubungan Masjid dan Derma

Masjid merupakan institusi penyatuan umat Islam dalam pelbagai bidang. Umumnya, ketika saat kegemilangan pemerintahan kerajaan Islam dahulu, masjid mempunyai pelbagai fungsi. Masjid berfungsi sebagai pusat rujukan penting melibatkan soal pengurusan dan pentadbiran negara, pusat perkembangan kewangan dan ekonomi, penyebaran dan perluasan bidang keagamaan, menegakkan keadilan dalam perundangan, pemupukan institusi sosial dan sebagainya. Fungsi yang komprehensif ini menjadikan masjid sebagai pusat tumpuan masyarakat.

Masjid juga berperanan mendidik masyarakat dengan sifat dan amalan derma serta sedekah. Derma dan sedekah ini amat berhubung dengan institusi ini disebabkan ianya dianggap sebagai institusi yang menguruskan kepentingan orang-orang Islam semasa hidup dan juga mati. Contohnya aktiviti kuliah keagamaan, sambutan hari kebesaran Islam, pengurusan jenazah dan tanah perkuburan Islam. Kebiasaannya, jumlah derma dan sedekah yang banyak dilakukan ialah pada hari Jumaat ketika menunaikan solat Jumaat. Dengan demikian, dana masjid yang terdiri daripada derma dan sedekah ini sudah sinonim dan sebatian dengan masyarakat Islam pada hari ini. Dengan wujudnya situasi sebegini, jelas membuktikan bahawa institusi masjid mempunyai sumber dana yang berterusan dan dapat digunakan untuk faedah jangka panjang. (Fidlizan Muhammad et al. 2007)

Masjid Sebagai Nadi Ekonomi Masyarakat Setempat

Menurut Mohd Yahya, Fidlizan, Mohamad, Azila, dan Nurul Fadly (2015) peranan masjid kepada umat Islam amat luas ruang lingkungannya kerana ianya merupakan institusi yang boleh menyatupadukan seluruh umat Islam. Antara langkah yang boleh dilakukan oleh institusi masjid untuk tujuan pengimarahannya ialah dengan melaksanakan aktiviti pengembangan ekonomi masjid seperti penyewaan lot-lot kedai, rumah sewa, tapak menara telekomunikasi, khemah dan peralatan kenduri-kendara, sewa dewan, sewa bilik kuliah dan perniagaan homestay. Aktiviti berkenaan melibatkan proses memanfaatkan dan menggunakan sumber-sumber aset tetap yang dimiliki oleh masjid untuk memberi kemudahan atau manfaat kepada pihak lain seperti usahawan kecil setempat dan ahli kariah dengan dikenakan caj yang tertentu. Selain itu, aktiviti berkenaan juga tergolong sebagai aktiviti perniagaan sosial yang berisiko rendah. Oleh itu institusi masjid boleh menjana ekonominya bagi memastikan kelangsungan aktiviti masjid dapat diteruskan dan seterusnya memacu pembangunan ekonomi ummah melalui penglibatan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang produktif. (Ahmad Fauzi & Yusuf Marlon, 2016).

Sekiranya masjid terletak dalam kawasan yang luas dan strategik ia boleh dikelilingi dengan aktiviti ekonomi dan sosial. Sehubungan itu, masjid boleh menyediakan ruang kedai atau bazar di luar masjid untuk menjual aneka keperluan masyarakat Islam. Selain itu, budaya menerima sumbangan derma mestilah disertakan sama dengan usaha kepelbagaian ekonomi yang berteraskan keusahawanan dan perniagaan. Adalah wajar jika masjid boleh digarap sebagai medan penjana ekonomi ummah (Roslan, M. 2004). Walau bagaimanapun etika Islam dalam mengurus niaga dan berada dalam kawasan masjid haruslah dipatuhi agar kesucian masjid itu juga tidak terjejas. Selain itu masjid juga boleh menyediakan ruang atau tempat khas untuk pungutan zakat, wakaf dan sedekah. Selain daripada memudahkan masyarakat Islam melaksanakan tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat, kesedaran untuk bersedekah dan berwakaf juga dapat disuntik. Ini penting kerana kekayaan yang dikurniakan oleh Allah SWT itu adalah kelebihan yang perlu dikongsi bersama dengan masyarakat Islam yang lain. Suntikan kesedaran ini dilihat sesuai dimulakan di masjid dengan fungsi dan peranan masjid itu sendiri sebagai pusat ibadah dan pembangunan masyarakat. Daripada itu ekonomi umat Islam dapat dimajukan dan diperkukuhkan lagi. Di samping membuat kutipan zakat, wakaf dan sedekah, masjid juga seharusnya menjadi tempat agihan dana-dana tersebut kepada pihak yang memerlukan. Dengan ini, masyarakat sekeliling akan merasa lebih terjamin dan dekat dengan masjid.

Abdul Ghani (2004) dalam kajiannya menjelaskan konsep pembangunan ekonomi Islam melihat kepada pengembangan sumber daya manusia dan penguasaan teknologi sebagai penggerak utama pembangunan ekonomi. Pengembangan sumber daya manusia merangkumi seluruh potensi dan keupayaan serta kualiti kemanusiaan dari sudut rohani dan moral. Ilmu dan teknologi pula asas semakin penting dalam menjana pembangunan ekonomi umat Islam. Semakin tinggi pencapaian warga umat Islam dalam bidang ilmu dan teknologi, Maka semakin meningkat kemajuan pembangunan ekonomi dicapai.

Hari ini, banyak masjid mula menjalankan aktiviti ekonomi untuk meningkatkan dana masjid. Fungsinya, supaya dana ini kemudian boleh digunakan pula untuk membantu komuniti setempat. Aktiviti perekonomian masjid boleh berlaku dalam pelbagai cara. Sebagai contoh, institusi masjid dan surau boleh melaksanakan aktiviti perniagaan sosial asas seperti

penyewaan aset masjid, perusahaan projek pertanian atau melabur dalam koperasi masjid yang secara tidak langsung menambah pendapatan secara bulanan. Untuk meningkatkan kapasiti perekonomian masjid, teknologi boleh dijadikan penyambung kepada aktiviti dijalankan di masjid.

Contohnya, menerusi teknologi bukan setakat penjualan, pemprosesan aktiviti juga boleh dijalankan di masjid. Sudah tiba masanya masjid mempelbagaikan produk, sebagai contoh menyediakan mesin layan diri supaya sesiapa yang mengunjungi masjid boleh membeli minuman atau makanan tanpa perlu menyediakan kantin atau kafe. Perkembangan teknologi digital juga dapat merencanakan aktiviti ekonomi di mana platform seperti Lazada dan Shopee, serta saluran media sosial seperti Facebook, Telegram, Twitter dan sebagainya dapat membantu dari segi agihan dan logistik pelbagai produk dikeluarkan masjid. Ia seterusnya meningkatkan dana kewangan masjid yang kemudian boleh disalurkan kepada golongan memerlukan, terutama masyarakat Islam setempat di kala pandemik ini.

Menurut Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Mohd Ajib Ismail, selain mengimarahkan masjid dalam bentuk kerohanian, aktiviti muamalat dan ekonomi juga boleh dijalankan untuk menambah dana dan membiayai semua aktiviti masjid tanpa perlu bergantung kepada kerajaan. Penubuhan koperasi masjid satu alternatif kepada peranan masjid itu sendiri, sebagai pemangkin pembangunan ekonomi. Masjid juga boleh menggunakan platform digital untuk memasarkan produk dihasilkan komuniti sekitar melalui koperasi masjid. Sebagai contoh, projek perekonomian dijalankan Masjid Taman Desa Ilmu di Kota Samarahan, Sarawak yang melaksanakan penanaman cili fertigasi dengan mengguna pakai teknologi internet. Dengan bermodalkan RM5,000 projek ini menjana hasil tuaian sehingga 45 kilogram cili untuk sekali tuaian bagi 1,000 pokok dengan harga pasaran cili padi RM30 per sekilogram. Melalui projek ini, Masjid Taman Desa Ilmu menjana sehingga RM1,350 untuk sekali tuaian. Ia membuktikan perkembangan pesat teknologi digital mendorong pertumbuhan sosio ekonomi Islam dengan lebih mampan.

Zuraidah

Ismail.

www.bharian.com.my/rencana/agama/2022/01/911362/manfaat-masjid-teknologi-lonjak-produktiviti-ekonomi-islam

RUMUSAN DAN CADANGAN

Pihak masjid perlulah mempunyai sifat akauntabiliti yang tinggi bagi memastikan pengurusan dana masjid dapat diuruskan dengan baik tanpa ada sebarang ketirisan dan ketidaktuluan. Ini penting bagi memastikan pengurusan dan pengembangan dana masjid ini tidak mendapat bantahan bahkan memperoleh sokongan dari ahli kariah dan masyarakat umum.

Bersandarkan peranan yang dibawa oleh masjid, banyak perkara yang dapat membantu membangunkan masyarakat setempat dari pelbagai aspek. Antara impak terhadap masyarakat setempat terhadap aspek ekonomi ialah dapat membantu golongan yang memerlukan untuk mendapatkan mata bagi menyara keperluan harian keluarga. Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh diambil oleh masjid dalam menjana ekonomi masyarakat setempat. Justeru, cadangan untuk membuat satu modul perancangan aktiviti perekonomian berpusatkan masjid perlu diwujudkan. Hal ini akan dapat mengembalikan peranan masjid yang telah dilaksanakan bermula zaman baginda nabi SAW. Sehubungan itu, bagi merealisasikan perancangan ini, memerlukan usaha dan kerjasama pelbagai pihak. Adalah diharapkan

melalui kajian lanjut berkenaan cadangan pelaksanaan modul perancangan masjid akan dapat memberi impak yang positif terhadap pelbagai pihak khususnya masyarakat setempat yang memerlukan.

RUJUKAN

- Abdul Razak, A.M., Mohd Khairil, A. A. L., & Ezry Fahmy E. Y. (2010). Isu dan cabaran institusi masjid dalam pembentukan sahsiah remaja di era globalisasi dan cadangan penyelesaiannya. Seminar Kebangsaan Pengajian dan Pembelajaran Berteraskan Masjid.
- Ahmad Fauzi, M. S., & Muhammad Yusuf, M. A. (2016). Strategi pembangunan ekonomi masjid AsSalam sebagai wasilah dakwah kontemporari. Seminar Antarbangsa Akidah, Dakwah dan Syariah.
- Fidlizan Muhammad et al. (2007). Potensi Pengembangan Industri Kecil Sederhana (IKS) Melalui Dana Masjid. Prosiding Persidangan Kebangsaan Industri Kecil & Sederhana 2007, h. 1-13.
- Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad, 1996. Pengantar Sains Pengurusan Masjid.
- Mohd Roslan, M. N. & Wan Mohd, T. W. O. (2011). Sejarah dan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia. Jurnal at-Ta'dib, 6(1).
- Mohd Yahya, M. H., Fidlizan, M., Mohamad, H., Azila, A. R., & Nurul Fadly, H. (2015). Aplikasi teknologi sistem perakaunan untuk penjana ekonomi masjid. Journal of Society and Space 11(2). Diakses daripada: <http://www.reseachgate.net/publication/274568847>.
- Noresah, B. (2007). Kamus Dewan. Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Roslan, M. (2004). Memperkasa masjid sebagai institusi pembangunan insan. Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid.
- Roslan, M. (2008). Masjid sebagai medan pembangunan insan. Jurnal YADIM.
- Syauqi, D. (2004) al-Mu'jam al-Wasit. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.
- Zuraidah Ismail. 14 Januari 2021.
www.bharian.com.my/rencana/agama/2022/01/911362/manfaat-masjid-teknologi-lonjak-produktiviti-ekonomi-islam